

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 MARCH 2015



NOORYANA Najwa semasa Majlis Khatam Al-Quran di Seri Perdana, Putrajaya, semalam. - BERNAMA

Anak perempuan PM nikah hari ini

UM - 19/3/2015

PUTRAJAYA 18 Mac - Anak perempuan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datin Seri Rosmah Mansor, Nooryana Najwa, akan melangsungkan perkahwinan dengan pasangannya, Daniyar Kesikbayev, minggu ini.

Jurucakap dan wakil keluarga Perdana Menteri bagi majlis pertunangan dan pemikahan, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, majlis akad nikah akan berlangsung esok (19 Mac) di kediaman rasmi Perdana Menteri di Seri Perdana di sini.

Jamil Khir yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri menerusi

satu kenyataan hari ini berkata, upacara akad nikah akan disempurnakan sendiri oleh Najib.

Beliau berkata, Perdana Menteri dan isteri bersama-sama keluarga Daniyar akan mengadakan majlis resepsi perkahwinan di Kuala Lumpur dan juga di Pekan, Pahang.

Antara tetamu kenamaan yang dijangka hadir ialah Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Hamidah; Raja-Raja Melayu; Yang Dipertua Negeri; menteri-menteri besar; ketua-ketua menteri; menteri-menteri

Kabinet; timbalan-timbalan menteri; pegawai kanan kerajaan; ahli-ahli politik; ahli-ahli korporat dan pemimpin masyarakat.

Selain itu, beberapa pembesar dan pemimpin dari luar negara juga dijangka hadir.

Nooryana Najwa, 27, menamatkan pengajian di Georgetown University, Washington pada 2011 dan kini berkhidmat dengan sebuah syarikat 'Venture Capital'.

Beliau mengenali Daniyar, 27, yang berasal dari Kazakhstan ketika masing-masing menuntut di Amerika Syarikat. - BERNAMA